



20 Oktober 2021
20 October 2021
P.U. (A) 404

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG
DENGAN KOS UJIAN PENGESANAN PENYAKIT
KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) BAGI PEKERJA) 2021

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENSES
IN RELATION TO THE COST OF DETECTION TEST
OF CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19)
FOR EMPLOYEES) RULES 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG DENGAN KOS UJIAN PENGESANAN
PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) BAGI PEKERJA) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Kos Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) bagi Pekerja) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021.

Potongan

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan seseorang majikan yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan itu berkenaan dengan kos ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) bagi pekerjanya dalam tempoh mulai dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.

(2) Amaun potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (1) adalah tambahan kepada apa-apa potongan yang dibenarkan bagi kos ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di bawah seksyen 33 Akta.

(3) Seorang majikan yang menuntut potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah mengemukakan resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia atau